

**SOALAN NO.: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil bagi mengelakkan bencana banjir di Pantai Timur baru-baru ini supaya tidak berulang.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Timbalan Perdana Menteri telah memaklumkan semasa Mesyuarat Khas Pelan Tindakan Pasca Banjir Bil. 2/2015 pada 27 Februari 2015 bahawa Kerajaan sedang meneliti model pengurusan bencana alam terbaik di negara-negara lain untuk diguna pakai di Malaysia. Selain itu, Kerajaan juga sedang meneliti kewajaran penubuhan satu agensi tertentu untuk pengurusan bencana.

Usaha-usaha juga sedang dibuat untuk berbincang dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kemusnahan kawasan-kawasan tadahan air hasil dari aktiviti pembangunan sama ada yang terancang dan tidak terancang. Penanaman semula kawasan hutan yang diteroka secara berleluasa juga perlu dilaksanakan segera oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengurangkan impak bencana kepada kehidupan masyarakat. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) ini telah membelanjakan sejumlah hampir RM2 billion untuk pembinaan sejumlah 131 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Johor, Perak, Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Dengan terbinanya projek tebatan banjir ini, kawasan-kawasan yang dahulunya kerap dinaiki air kini risiko tersebut telah dapat diatasi seperti mana yang telah dilaksanakan di Kota Tinggi, Johor dan Kuching, Sarawak. Terbaru

sekali, seperti yang diumumkan YAB Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat baru-baru ini, sejumlah RM893 juta telah diperuntukkan pada Bajet 2015 bagi tujuan rancangan tebatan banjir di seluruh negara, termasuk negeri Kelantan.

Selain itu juga, sistem amaran awal bencana juga akan terus ditambah baik selari dengan teknologi yang terkini yang setanding dengan pusat ramalan cuaca peringkat serantau dan antarabangsa. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah bekerjasama dengan agensi-agensi peringkat antarabangsa melalui platform organisasi meteorologi serantau dan antarabangsa seperti ASEAN *Specialized Meteorological Centre* (ASMC) dan *World Meteorological Organization* (WMO). Rangkaian kerjasama ini adalah antara pengiktirafan terhadap keupayaan dan kepakaran Malaysia dalam bidang meteorologi dan klimatologi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI  
SHEIKH FADZIR  
[KULIM BANDAR BAHRU]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Abd. Aziz Bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]  
minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) jumlah pekerja berstatus kontrak di sektor awam pada masa ini;  
dan
  
- (b) melalui pemerhatian, terdapat segolongan pekerja pekerja kontrak ini tidak terjaga dari segi gaji dan skop kerja yang tidak jelas.  
Apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan kebajikan pekerja berstatus kontrak ini terjaga.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2015, bilangan pegawai kontrak dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 47,728 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 43,861 orang atau 91.9% adalah lantikan, dengan izin *contract of service* manakala 3,867 orang atau 8.1% adalah lantikan *contract for service*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak timbul soal pekerja kontrak ini tidak terjaga dari segi gaji. Ini kerana bagi pegawai *contract of service*, mereka dilantik bersandarkan kepada skim perkhidmatan dan gred gaji yang berkuatkuasa sama seperti pegawai lantikan tetap. Dalam tempoh kontrak, pegawai akan melaksanakan tugas berdasarkan skop tugas yang telah ditetapkan bagi jawatan yang dilantik dan dibayar gaji serta imbuhan tetap sepetimana yang diterima oleh pegawai tetap.

Manakala bagi lantikan *contract for service* pula, pembayaran perkhidmatan pegawai serta fungsi tugas ditetapkan berdasarkan kepada perjanjian perkhidmatan dengan majikan yang dipersetujui oleh pegawai kontrak berkenaan.

Kerajaan sentiasa menjaga kebijakan para penjawat awam termasuk pegawai kontrak dan tidak berbangkit isu kebijakan mereka terabai. Mereka juga turut menerima pemberian bonus sebagaimana dinikmati oleh pegawai tetap.

Sekian. Terima kasih.